

SPESIFIKASI TEKNIKAL

**SEBUTHARGA Bil. 6/2023:
PERKHIDMATAN PENULISAN (*COPYWRITING*), PENYUNTINGAN, *PROOF
READING*, MEREKA BENTUK, PENERBITAN DAN PERCETAKAN BAGI
“LAPORAN PELAN TINDAKAN BERSEPADU PKS (SMEIPA) DAN
RINGKASAN (*SNAPSHOT*) 2023”**

1 OBJEKTIF

- 1.1. Garis panduan ini adalah untuk penyebutharga yang ingin menawarkan sebutharga bagi perkhidmatan penulisan (*copywriting*), penyuntingan, *proof reading*, mereka bentuk, penerbitan dan percetakan bagi buku “Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) 2023”

2 SKOP PERKHIDMATAN

a. Perkhidmatan penulisan (*copywriting*), penyuntingan dan *proof reading*

- 2.1 Menyediakan perkhidmatan tersebut di atas berdasarkan format penulisan laporan yang terbahagi kepada empat (4) bahagian utama iaitu:
- i. Analisis Pencapaian Program Pembangunan Usahawan dan PKS 2022;
 - ii. Analisis Impak Program Pembangunan Usahawan dan PKS 2022 (IAFSP);
 - iii. Analisis Perancangan Program 2023; dan
 - iv. Kisah Kejayaan Program.
- 2.2 Menyediakan penulisan (*copy writing*) dengan menjalankan analisis yang berkaitan dan menterjemah sumber data (jadual, graf, carta dan sebagainya) ke dalam bentuk penulisan dalam versi Bahasa Inggeris;
- 2.3 Menjalankan kajian melalui carian Internet atau penerbitan lain yang berkaitan dengan penulisan; dan
- 2.4 Melaksanakan kerja-kerja penyuntingan dan *Proof Reading*.

b. Perkhidmatan merekabentuk, penerbitan dan percetakan

- 2.5 Menyediakan perkhidmatan tersebut di atas berdasarkan format penulisan laporan yang terbahagi kepada lima (5) bahagian utama iaitu:
- i. Analisis Pencapaian Program Pembangunan Usahawan dan PKS 2022;
 - ii. Analisis Impak Program Pembangunan Usahawan dan PKS 2022 (IAFSP);
 - iii. Analisis Perancangan Program 2023;
 - iv. Kisah Kejayaan Program; dan
 - v. Lampiran (Senarai maklumat perhubungan Kementerian dan agensi).
- 2.6 Menyediakan konsep kreatif dan reka bentuk.
- 2.7 Mencetak dan membekal sebanyak 350 naskah laporan dan 400 keping ringkasan (*snapshot*) SMEIPA 2023. Kedua-duanya adalah dalam versi Bahasa Inggeris.

3 SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1. Bayaran dibuat secara *one-off* selepas kesemua perkhidmatan disempurnakan dengan memenuhi keperluan dan kehendak ditetapkan.
- 3.2 Bayaran akan dibuat setelah SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan telah menerima bekalan / perkhidmatan berdasarkan *Delivery Order* dan inbois daripada Penyebutharga yang dilantik.

4 SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Mempunyai status syarikat bertaraf Bumiputera.
- 4.2 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian seperti berikut:
- i. **222004 (penulisan);**
 - ii. **221601 (mencetak); dan**
 - iii. **221614 atau 221615 (merekabentuk/ typesetting).**
- 4.3 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan.

- 4.4 Pihak SME Corp. Malaysia berhak untuk menamatkan kontrak atau meminda kos pembayaran yang telah dipersetujui antara SME Corp. Malaysia dan penyebutharga pada bila-bila masa sekiranya:
- i. TIDAK mematuhi jadual pengeluaran yang ditetapkan;
 - ii. TIDAK memenuhi skop kerja yang telah dipersetujui;
 - iii. TIDAK membekalkan bahan mengikut dalam spesifikasi, contohnya seperti jenis kertas, ukuran yang telah ditetapkan dan spesifikasi teknikal lain; dan
 - iv. Apa-apa sahaja yang diistilahkan sebagai melanggar syarat.
- 4.5 Sebarang bahan penulisan, bahan rujukan atau data yang diserahkan bagi penghasilan SMEIPA 2023 adalah hak milik SME Corp. Malaysia dan tidak boleh dicetak dan/atau dikongsi untuk kegunaan pihak lain atau digunakan selain daripada penulisan SMEIPA 2023. Sebarang *soft copy* bahan penulisan bercetak SMEIPA 2023 juga hendaklah diserahkan kepada SME Corp. Malaysia.
- 4.6 Penyebutharga wajib mempunyai keupayaan untuk mencetak buku ini mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam jangka masa yang ditetapkan. Keutamaan diberikan kepada syarikat yang mempunyai fasiliti/ perkhidmatan percetakan yang didaftarkan atas nama syarikat (perlu dibuktikan), pengalaman di dalam projek merekabentuk, penerbitan dan percetakan buku serta tenaga kerja seperti yang digariskan di dalam spesifikasi teknikal.
- 4.7 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan/atau kualiti berbeza daripada *mock-up* yang telah dipersetujui, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)* berdasarkan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

LAMPIRAN A

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)
		YA	TIDAK	
A	PERKHIDMATAN PENULISAN (<i>COPYWRITING</i>), PENYUNTINGAN DAN <i>PROOF READING</i>			
1.0	KRITERIA MINIMUM PENULIS			
1.1	Kelayakan pendidikan: Penulis hendaklah mempunyai ijazah di dalam: i. Komunikasi Massa dengan pengkhususan kewartawanan; ATAU ii. Ekonomi dengan sijil penulisan/perterjemahan yang diiktiraf; ATAU iii. Perakaunan dengan sijil penulisan yang diiktiraf.			
1.2	Pengalaman: i. mempunyai pengalaman menulis sekurang-kurangnya selama 10 tahun; ii. mempunyai pengalaman dalam penulisan Bahasa Inggeris berkaitan perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS), statistik dan analisis bersama Kementerian dan agensi yang berkaitan (contohnya KUSKOP, EPU, MOF, MITI, MIDA, MATRADE, dan sebagainya); dan iii. mempunyai pengalaman bertugas sebagai editor atau penulis bagi buku laporan tahunan / penulisan khas berkaitan ekonomi, perniagaan dan industri. Profil / <i>resume</i> penulis hendaklah dikemukakan bersama			

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)
		YA	TIDAK	
2.0	SKOP KERJA			
2.1	Memastikan pelaksanaan penulisan (<i>copywriting</i>) menggunakan lima (5) bidang tumpuan. Bidang tumpuan dan kerangka isi kandungan pelaporan adalah seperti berikut (tetapi tidak terhad): <ul style="list-style-type: none"> - Penerapan inovasi dan teknologi; - Pembangunan modal insan; - Akses kepada pembiayaan; - Akses kepada pasaran; dan - Infrastruktur dan perundangan. 			
2.2	Penyampaian kandungan haruslah dalam bentuk yang mudah, menarik serta senang difahami oleh pihak berkepentingan.			
2.3	Menyemak dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan, tatabahasa dan data-data pada graf / histogram / carta / jadual laporan dan lain-lain perkara yang berkaitan. Bagi tujuan ini penyebutharga perlu mengenal pasti sekurang-kurangnya seorang wakil tetap yang akan bertanggungjawab mengenai <i>quality control</i> . Pihak SME Corp. Malaysia berhak menolak deraf yang mempunyai kesalahan disebabkan kerja-kerja <i>proof read</i> yang tidak sempurna.			
2.4	Menganalisis dan mentafsir data berdasarkan jadual/graf/ carta dan maklumat yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.			

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)
		YA	TIDAK	
2.5	Penyebutharga perlu menyerahkan deraf <i>softcopy</i> dalam bentuk Microsoft Word.			
2.6	Menyunting dan membuat <i>Proof Read</i> laporan sehingga tiga (3) kali deraf maksimum atau berdasarkan kepada keperluan dari masa ke semasa.			
2.7	Penulis dikehendaki untuk menyertai sesi lawatan dan perbincangan yang akan diatitkan oleh SME Corp. Malaysia dengan Kementerian dan Agensi terpilih bagi penulisan di ruangan Kisah Kejayaan Program SMEIPA 2023.			
3.0	KELULUSAN DERAf AKHIR			
3.1	Penyebutharga perlu menyerahkan deraf secara berperingkat kepada SME Corp. Malaysia bagi tujuan kelulusan antara tarikh pelantikan penyebutharga sehingga kelulusan deraf akhir.			

LAMPIRAN A

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)
		YA	TIDAK	
B.	PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK, PENERBITAN DAN PERCETAKAN			
1.0	KEPERLUAN AM			
1.1	<p>Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah semasa menawarkan sebut harga:</p> <ul style="list-style-type: none">• Sekurang-kurangnya lima (5) set visual <i>mock up</i> kepada SME Corp. Malaysia (tidak termasuk pilihan warna berbeza bagi reka bentuk yang sama) yang mengandungi perkara-perkara berikut:<ul style="list-style-type: none">- Reka bentuk muka depan;- Reka bentuk muka belakang;- Reka bentuk <i>separator</i>;- Reka bentuk <i>Table of Content</i>; dan- Reka bentuk isi kandungan yang meliputi graf / grafik, jadual dan carta pai.• Tiga (3) contoh penerbitan laporan / majalah yang pernah disediakan oleh penyebutharga; dan• Tiga (3) contoh kertas dan contoh fail PDF yang dicadangkan.			
1.2	<p>Menyediakan khidmat lebih daripada seorang Pereka Grafik yang berpengalaman dengan kriteria berikut:</p> <p>i) <u>Kelayakan Pendidikan</u>: Pereka grafik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai diploma di dalam <i>Art & Design (Graphic Design / Visual Communication)</i> dengan pengkhususan penerbitan dan yang setaraf dengannya.</p>			

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)
		YA	TIDAK	
	<p>ii) <u>Pengalaman</u>:</p> <ul style="list-style-type: none"> - sekurang-kurangnya seorang pereka grafik yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun ; - mempunyai pengalaman merekabentuk sekurang-kurangnya 5 penerbitan; dan - syarikat mempunyai studio yang lengkap dengan kemudahan untuk membuat rekabentuk dan percetakan. <p>iii) boleh dan bersedia untuk dihubungi pada bila-bila masa serta bekerja di pejabat SME Corp. Malaysia, di luar waktu pejabat, hujung minggu dan cuti umum, apabila diperlukan dan pada peringkat akhir / pemuktamadan (<i>finalisation</i>), bagi memenuhi tarikh serahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia;</p> <p>iv) keperluan lebih daripada seorang pereka grafik adalah bagi memudahkan pembahagian kerja-kerja mereka bentuk yang melibatkan merekabentuk <i>Snapshot</i> dan juga <u>empat (4) bab utama</u> di dalam buku SMEIPA serta pelarasan akhir penerbitan; dan</p> <p>v) Profil / <i>resume</i> pereka grafik hendaklah dikemukakan bersama.</p>			
KONSEP KREATIF DAN REKA BENTUK				
1.0	PENYEDIAAN KONSEP KREATIF DAN REKA BENTUK			
1.1	Penyebutharga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi di dalam penyediaan buku “Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) dan Ringkasan (<i>Snapshot</i>) 2023”:			

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)									
		YA	TIDAK										
	<ul style="list-style-type: none"> - menyediakan lima (5) pilihan konsep kreatif bagi reka bentuk kulit buku yang dapat memaparkan isi kandungan buku tersebut untuk dipilih oleh pihak SME Corp. Malaysia (tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan SME Corp. Malaysia) semasa peringkat awal pelaksanaan. - konsep reka bentuk yang dicadangkan perlu juga mengambil kira imej dan peranan SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat bagi pembangunan PKS di Malaysia; - menyediakan reka bentuk setiap muka surat; - menyediakan konsep kreatif, <i>type setting</i>, reka bentuk dalaman bagi setiap muka surat yang meliputi isi kandungan, pembahagi muka surat (<i>separator</i>), graf, jadual, imej dan lain-lain yang berkaitan; - menyediakan graf / grafik yang bersesuaian dengan isi kandungan laporan. Graf / Grafik haruslah menarik, kreatif dan seragam. Penggunaan warna dan saiz graf / grafik haruslah <u>tidak terlalu menonjol dan besar</u>; - menyediakan ringkasan / sinopsis bagi setiap rekabentuk konsep buku tersebut; dan - penyebutharga juga perlu menyerahkan draf dalam bentuk berwarna sebelum <i>colour proof</i> dibuat. 												
2.0	PERCETAKAN BUKU												
2.1	<p>Spesifikasi penerbitan buku adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">Item</th> <th style="width: 5%;">:</th> <th style="width: 65%;">Spesifikasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kulit</td> <td>:</td> <td><i>Matt Art Card</i> 380gsm/Saiz B5</td> </tr> <tr> <td>Isi Kandungan</td> <td>:</td> <td>100 gsm <i>paper size</i></td> </tr> </tbody> </table>	Item	:	Spesifikasi	Kulit	:	<i>Matt Art Card</i> 380gsm/Saiz B5	Isi Kandungan	:	100 gsm <i>paper size</i>			
Item	:	Spesifikasi											
Kulit	:	<i>Matt Art Card</i> 380gsm/Saiz B5											
Isi Kandungan	:	100 gsm <i>paper size</i>											

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM			SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)												
				YA	TIDAK													
	Ukuran	:	B5															
	Cetakan	:	4 warna <i>matt lamination</i> (kulit dan teks)															
	Bilangan Muka surat	:	Tidak melebihi 200 muka surat															
	Jilid	:	<i>Perfect binding</i> dan jahit															
	Jumlah Cetakan	:	350 naskah															
	Kemasan Hadapan	:	<i>Matte lamination, Embossed dan Spot UV (Glossy)</i>															
	Separator	:	<i>Colour</i>															
3.0	GAMBAR																	
3.1	<p>Bagi ilustrasi di dalam buku dan ringkasan, penyebutharga perlu membekalkan gambar atau imej berkaitan dengan industri, perniagaan dan ekonomi yang menjuruskan kepada PMKS dari Imej Bank, Ilustrasi Vektor, istockphoto, gambar dalam simpanan pembekal dan gambar dalam simpanan SME Corp. Malaysia dalam anggaran 50 keping. Manakala sekiranya penggunaan imej berbayar, kos tersebut haruslah di bawah tanggungan penyebutharga.</p>																	
4.0	PERCETAKAN RINGKASAN/SNAPSHOT																	
4.1	<p>Spesifikasi penerbitan ringkasan/<i>snapshot</i> adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="331 1226 1276 1401"> <thead> <tr> <th>Item</th> <th>:</th> <th>Spesifikasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Saiz</td> <td>:</td> <td>A3</td> </tr> <tr> <td>Lipatan</td> <td>:</td> <td>Tiga (3) lipatan</td> </tr> <tr> <td>Cetakan</td> <td>:</td> <td>Warna bahagian depan dan belakang</td> </tr> </tbody> </table>			Item	:	Spesifikasi	Saiz	:	A3	Lipatan	:	Tiga (3) lipatan	Cetakan	:	Warna bahagian depan dan belakang			
Item	:	Spesifikasi																
Saiz	:	A3																
Lipatan	:	Tiga (3) lipatan																
Cetakan	:	Warna bahagian depan dan belakang																

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)									
		YA	TIDAK										
	<table border="1"> <tr> <td>Kemasan</td> <td>:</td> <td><i>Matt lamination dan Spot UV (glossy)</i></td> </tr> <tr> <td>Rekabentuk</td> <td>:</td> <td>Graf, Jadual dan Grafik lain</td> </tr> <tr> <td>Jumlah cetakan</td> <td>:</td> <td>400 keping Ringkasan (<i>Snapshot</i>) SMEIPA 2023.</td> </tr> </table>	Kemasan	:	<i>Matt lamination dan Spot UV (glossy)</i>	Rekabentuk	:	Graf, Jadual dan Grafik lain	Jumlah cetakan	:	400 keping Ringkasan (<i>Snapshot</i>) SMEIPA 2023.			
Kemasan	:	<i>Matt lamination dan Spot UV (glossy)</i>											
Rekabentuk	:	Graf, Jadual dan Grafik lain											
Jumlah cetakan	:	400 keping Ringkasan (<i>Snapshot</i>) SMEIPA 2023.											
5.0	KELULUSAN MOCK-UP												
5.1	Penyebutharga perlu memastikan <i>mock-up</i> diserahkan kepada SME Corp. Malaysia bagi mendapatkan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.												
5.2	SME Corp. Malaysia berhak menolak <i>mock-up</i> dan <i>colour proof</i> yang tidak berkualiti dan tidak memenuhi keperluan dan kehendak SME Corp. Malaysia.												
6.0	VISUAL MOCK-UP												
6.1	<p>Penyebutharga adalah dikehendaki memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - menyediakan visual <i>mock up / dummy</i> yang akan disemak oleh SME Corp. Malaysia. Jumlah <i>mock up</i> adalah bergantung kepada proses penyediaan dan kesempurnaan kerja; - menyediakan sekurang-kurangnya tiga (3) set <i>mock up / dummy</i> buku Laporan bagi tujuan semakan sebelum proses mencetak; - menyediakan <i>Colour proof</i> (sekurang-kurangnya 20 muka surat) yang akan dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia. <i>Colour proof</i> perlu dibuat menggunakan cetakan dari filem. SME Corp. Malaysia berhak 												

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)
		YA	TIDAK	
	<p>menolak <i>colour proof</i> yang dirasakan tidak berkualiti. Penyebutharga perlu membuat penambahbaikan berdasarkan maklumbalas Urus Setia.</p> <ul style="list-style-type: none"> - memastikan ciri-ciri cetakan akhir perlu ditepati berdasarkan syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • perbezaan (variasi) warna tidak melebihi 5% dari <i>mock-up</i>; • saiz dan jenis <i>font</i> mesti seragam pada cetakan dan setara dengan <i>mock-up</i> akhir; • kemasan akhir pada kulit buku, muka depan & dalam dan pembahagi muka surat (<i>separator</i>) perlu setara dengan rekabentuk dan rekaletak (<i>design layout</i>) yang dipersetujui; • gambar, grafik dan logo dalam format resolusi tinggi (<i>high resolution</i>); dan • syarat-syarat ini juga terpakai kepada percetakan Ringkasan (<i>snapshot</i>). - berkeupayaan mencetak Laporan ini dalam jangkamasa tujuh (7) hari bekerja selepas mendapat kelulusan deraf akhir daripada pihak pengurusan SME Corp. Malaysia. Kelulusan mencetak adalah berdasarkan <i>final mock-up</i> yang dipersetujui dan diluluskan SME Corp. Malaysia; dan - menyediakan dan memastikan <i>soft copy/filem</i> untuk cetakan selepas bukti terakhir disimpan dalam keadaan selamat dan baik untuk percetakan semula jika perlu. 			
7.0	PERCETAKAN DAN PEMBEKALAN			

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/CADANGAN (PROPOSAL)
		YA	TIDAK	
7.1	Penyebutharga perlu menyerahkan dua salinan <i>master copy</i> – (fail yang boleh digunakan semula / menghasilkan filem)			

* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAKAN (✓ / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)

NOTA PENTING:

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh projek. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 6/2023.

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :